



UNIVERSITI MALAYA

Tahukah anda, Universiti Malaya (UM) merupakan institusi pendidikan tinggi tertua di Malaysia? Penubuhan universiti ini pada 8 Oktober 1949 telah menjadikannya sebuah institusi kebangsaan yang memenuhi keperluan pelajaran tinggi di Persekutuan Tanah Melayu dan Singapura. Penubuhannya juga menjadi harapan buat negara dalam melahirkan generasi dan masyarakat yang berpelajaran serta berkemahiran.

Sejarah UM

UM merupakan gabungan King Edward VII College of Medicine dan Raffles College yang terletak di Singapura. Cadangan kepada penggabungan dua buah institusi pengajian ini adalah daripada pembentukan sebuah suruhanjaya yang dipengerusikan oleh Sir Alexander Carr-Saunders pada tahun 1947.

King Edward VII College of Medicine ataupun Maktab Perubatan Raja Edward ke-7 ditubuhkan pada Julai 1905. Pada awal penubuhannya, maktab ini diberikan nama, The Straits and Federated Malay States Government Medical School. Pada tahun 1912, nama maktab ini ditukar kepada King Edward VII Medical School. Namun begitu, pada tahun 1921, sekali lagi nama maktab diubah kepada King Edward VII College of Medicine.

Pada tahun 1916, General Medical Council Great Britain telah memperakui sijil jurusan perubatan dan pembedahan dari maktab ini dan turut memperakui

Jabatan Pembedahan Pergigian yang terdapat di maktab ini. Pengiktirafan ini dilihat sangat penting untuk menunjukkan mutu pelajaran yang ada dalam maktab ini setaraf dengan dunia pada masa itu. Semasa pihak Jepun menduduki Tanah Melayu, operasi maktab ini terhenti dan digunakan sebagai pusat serologi, iaitu pusat kaji darah serum. Kolej ini beroperasi semula pada tahun 1946.


Raffles College pula ditubuhkan pada tahun 1929 hasil cetusan idea Stamford Raffles untuk memperingati 100 tahun pembukaan Singapura. Pada awal pembukaannya hingga tahun 1935, institusi ini tidak mendapat sambutan hangat disebabkan oleh kemelesetan ekonomi dunia pada masa itu. Semasa Jepun menduduki Singapura, kolej ini dijadikan sebagai markas tentera Jepun dan hanya beroperasi setelah Jepun meninggalkan Singapura pada bulan Oktober 1946.

Setelah kekalahan Jepun di tangan pihak bersekutu, British telah menubuhkan Suruhanjaya Carr-Saunders yang bertanggungjawab untuk meniyasat dan memberikan

cadangan mengenai keperluan dan kemudahan pendidikan tinggi negeri-negeri di Tanah Melayu. Hasil kajian tersebut ialah cadangan agar King Edward VII College of Medicine dan Raffles College digabungkan menjadi UM dan dipindahkan ke tapak bangunan baharu yang terletak di kawasan Johor Bahru.

King Edward VII College of Medicine dan Raffles College telah bergabung menjadi UM secara rasminya

di Lembah Pantai. Ketika itu, UM cawangan Singapura menawarkan pengajian dalam bidang perubatan seperti Farmasi dan Pergigian, Undang-undang, Pendidikan dan bidang Sastera dan Sains Sosial seperti Falsafah, Pengajian Sosial, Bahasa dan Kesusasteraan Cina. Manakala cawangan Kuala Lumpur menawarkan pengajian dalam bidang Kejuruteraan dan bidang Sastera dan Sains Sosial seperti Pengajian Melayu, India dan Geologi.



Pelantikan YTM Tunku Abdul Rahman Putra Al-Haj sebagai Canselor pertama UM oleh Naib Canselor Profesor Dato Sir Alexander Oppenheim pada 16 Jun 1962.

King Edward VII College of Medicine.



Raffles College.



Cokmar UM.

pada 8 Oktober 1949. Universiti ini juga mewarisi asas pendidikan daripada kedua-dua institusi, iaitu dalam bidang sastera dan sains sosial daripada Raffles College, manakala bidang perubatan daripada King Edward VII College of Medicine.

Pada awalnya, pelajar dalam bidang perubatan ditempatkan di kawasan Hospital Umum Singapura, manakala pelajar dari bidang sastera dan sains sosial ditempatkan di kawasan kediaman yang terletak empat batu dari barat laut Singapura. Cadangan untuk memindahkan tapak bangunan UM ke Johor Bahru terpaksa dibatalkan kerana memerlukan sejumlah peruntukan yang besar. Berikutan hal itu, wujud cadangan untuk memperkembangkan UM ke Kuala Lumpur dan Singapura. Lantas, bangunan UM di Singapura dikembangkan dan dibesarkan. Jurusan baharu seperti kejuruteraan dan undang-undang turut dibuka dan diperkenalkan.

Pada tahun 1957, UM cawangan Kuala Lumpur dibuka dan penuntut bidang Sastera tahun pertama memulakan kuliah di bangunan sementara yang terletak di dalam kawasan Maktab Teknik Kuala Lumpur. Fakulti Kejuruteraan yang diperkenalkan di Singapura, dipindahkan ke cawangan Kuala Lumpur pada bulan Julai 1958 dan ditempatkan dalam bangunan baharu

Suruhanjaya yang dipengerusikan oleh Sir Robert Aitken pada tahun 1957 telah memberikan kuasa autonomi bagi setiap cawangan Singapura dan Kuala Lumpur. Pada tahun 1960, kerajaan Persekutuan dan Singapura berhasrat untuk menukar status pembahagian UM menjadi status Universiti Kebangsaan Tanah Melayu dan hasrat ini berjaya dicapai pada 1 Januari 1962. Pada 16 Jun 1962, UM dikurniakan cokma sebagai lambang kuasa UM oleh DYMM Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong bersempena dengan pelantikan Canselor UM yang pertama, iaitu YTM Tunku Abdul Rahman Putra Al-Haj.

Pada bulan April 1962, YTM Tunku Abdul Rahman Putra Al-Haj, Perdana Menteri Persekutuan Tanah Melayu memperkenalkan lencana universiti yang direka oleh Pengerusi Majlis, Tan Sri Dr. Y. C. Foo, Naib Canselor, Profesor A. Oppenheim serta Profesor DiRaja Ungku Aziz. Lencana ini juga memuatkan cogan kata UM, iaitu "ILMU PUNCHA KEMAJUAN". Berdiri teguh selama 112 tahun sebagai institusi pendidikan tinggi yang unggul di Malaysia, UM berjaya melahirkan ribuan pemimpin dan tokoh Malaysia yang terkemuka dan menjadi kebanggaan negara serta terkenal dalam pelbagai bidang. Hingga kini, UM terus mengekalkan prestasinya sebagai universiti terbaik di Malaysia dan antara universiti terbaik di dunia. 